*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 26 OKTOBER 2020

1. Pemilik baharu enam ekor anak kucing dicari

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**
**BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| **26.10.2020** | KOSMO | NEGARA | 13 |

# Pemilik baharu enam ekor anak kucing dicari

**KUALA LUMPUR** – Zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Itu reaksi netizen selepas melihat gambar enam ekor anak kucing yang dibuang individu tidak bertanggungjawab di hadapan sebuah bengkel motosikal di Kampung Pandan, di sini baru-baru ini.

Gambar berkenaan telah dimuat naik di laman Facebook Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) sejak pukul 3 petang semalam telah dikongsi lebih 50 kali.

Menurut Animal Malaysia, enam anak kucing dibuang individu tidak bertanggungjawab di depan bengkel motosikal itu perlu pertolongan segera.

"Pemilik bengkel yang mahu dikenali sebagai Faiz memaklumkan kesemua enam ekor anak kucing kelihatan dalam bungkusan di hadapan bengkelnya dalam kesejukan tanpa tempat berteduh.

"Buat masa ini anak-anak kucing tersebut diberi makan olehnya, namun seperti yang semua sedia maklum bengkel motosikal bukan tempat sesuai untuk kucing membesar," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Animal Malaysia berkata, mana-mana pihak sudi mengambil seekor atau kesemua anak kucing ini diminta hubungi Saudara Faiz di talian **018-3239026**.

"Keadaan bahaya dengan lantai berkimia, bunyi bising motosikal serta asap motor adalah persekitaran tidak sihat untuk tahap keselesaan dan keselamatan anak-anak kucing malang ini.

"Oleh itu, jika ada pihak yang sudi mengambil kucing ini diminta segera lakukannya demi kesihatan haiwan itu," jelas Animal Malaysia.



**ENAM** ekor anak kucing yang dibuang di sebuah bengkel di Kampung